

Tiada rawatan dan vaksin khusus untuk mengekang penularan virus tersebut

ACCRA

Dua kes virus Marburg sehingga membawa maut telah dikesan di Ghana, kali pertama penyakit seperti Ebola ditemui di negara Afrika Barat, umum pihak berkuasa kesihatan pada Ahad.

Pada awal bulan ini, sampel darah telah diambil daripada dua orang di wilayah Ashanti dan dipercayai dijangkiti virus tersebut.

Perkhidmatan Kesihatan Ghana (GHS) berkata, sampel tersebut dihantar ke Institut Pasteur di Senegal yang akan mengesahkan virus Marburg itu.

"Ini kali pertama Ghana mengesahkan penyakit virus Marburg," kata Ketua GHS, Patrick Kuma-Aboagyee dalam satu kenyataan.

Difahamkan tiada rawatan atau vaksin setakat ini dan kebanyakan pesakit akan menanti maut seperti virus Ebola. Gejala adalah seperti demam panas, pendarahan dalaman dan luaran badan.

GHS menambah, seramai 98 orang dikenali pasti sebagai kes kontak rapat dan mereka sedang menjalani kuarantin.

Sebelum ini, WHO menyatakan Guinea telah mengesahkan satu kes sama dan wabak itu diisytiharkan berakhir pada

Virus Marburg muncul semula



Virus Marburg dipercayai berpunca daripada kelawar. - AFP

September 2021.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), virus Marburg dilaporkan pernah muncul di Angola, Republik

Demokratik Congo, Kenya, Afrika Selatan dan Uganda.

Virus itu boleh merebak daripada haiwan dijangkiti termasuk kelawar. - AFP